



Muslihat terselindung-dlm daya gerak silat

APAKAH silat itu satu seni atau sains.
 Seorang penulis dalam sebuah rencana dalam akhbar *Berita Harian Malaysia* berpendapat silat bukan saja merupakan satu cabang seni malah juga satu cabang saintifik.
 Pada pandangannya perkataan seni juga mempunyai pengertian sains. Setiap yang seni itu adalah saintifik dan sebaliknya setiap yang saintifik itu adalah seni.
Nadi Bella hari ini menerbitkan sedutan dari rencana itu dengan harapan menjadi bahan perbincangan pencinta seni setempat. Bagaimanapun perbincangan itu diharapkan tidak saja di kalangan sendiri tetapi diluahkan juga untuk tatapan ramai.
 Justeru itu, *Nadi Bella* akan menerima segala pandangan dari cerdik pandai dan pencinta silat mengenai perkara itu.
 Sila hantarkan pandangan kepada *Pengelola Nadi Bella, Berita Harian, 390 Kim Seng Road, Singapura 0923.*

18 JUL 1985

Pencer silat.

DALAM ilmu persilatan Melayu, kemenangan yang diperolehi dalam sesuatu pertandingan bergantung kukuh kepada kecerdasan akal; bukan kepada kekuatan fizikal.
 Justeru itu, di dalam disiplin persilatan Melayu, ada beberapa taktik dan teknik tipu muslihat untuk menewaskan musuh.
 Faktor tipu muslihat ini kerap disembunyikan atau pun diselindungi dengan pergerakan dan kedudukan silat yang ternampak seolah-olah sedang menari, lemah dan cuai.
 Manifestasi-manifestasi itu telah menyebabkan ramai orang, terutama bangsa Eropah dan Amerika, terkeliru dan terus menyangka seni silat Melayu adalah sejenis hiburan semata-mata.
 Kekeliruan ini lebih menjadi lebih kukuh lagi apabila melihat seni silat Melayu yang lazimnya dipersembahkan beserta dengan iringan muzik.
 Oleh kerana ilmu persilatan Melayu sangat mengutamakan daya akal, jadilah ia suatu disiplin yang seni.
 Dalam hubungan ini, 'seni' yang dimaksud-

18 JUL 1985

kan oleh penulis bukanlah dari sudut estetika semata-mata, tetapi juga dari sudut saintifik.
 Kerana perkataan 'seni' itu sendiri kalau diteliti memang mempunyai pengertian 'sains'.
 Setiap yang seni itu adalah saintifik dan sebaliknya setiap yang saintifik itu adalah seni.
 Cuma yang membezakan 'sains' dengan 'seni' adalah di segi penggunaan dan masa.
 'Sains' adalah satu perkataan baru yang diserapkan ke dalam bahasa Malaysia, sedangkan 'seni' adalah satu perkataan lama dalam bahasa Melayu.
 Sebagai satu disiplin yang punya nilai estetika, silat Melayu telah berjaya memancarkan keindahan, sikap lemah lembut, kehalusan dan kesopanan dalam segala gerak lakunya.
 Ciri-ciri ini telah pun diakui oleh semua pihak. Sebagai suatu disiplin yang saintifik, seni silat Melayu berakar-umbikan kepada teori-teori dinamik, momentum, velocity, inertia, graviti, perimbangan dan ruangan yang logik, tepat lagi strategik.
 Ciri-ciri ini jarang dise-

dari oleh orang ramai, bahkan oleh sebahagian besar orang Melayu sendiri, sebagai bangsa yang mendokong seni silat itu.
 Berdasarkan huraian di atas, masyarakat Melayu amnya dan juga masyarakat bukan Melayu di Malaysia khususnya, harus memeriksa semula tentang tanggapan kita mengenai seni silat Melayu.
 Kita juga harus disedarkan tentang beberapa aspek lagi bersabit dengan seni silat Melayu.
 Memang boleh diterima kenyataan seni silat Melayu adalah sejenis ilmu membela diri bangsa Melayu, tetapi kita juga harus insaf, bukan semua ilmu membela diri bangsa Melayu boleh diiktirafkan sebagai seni silat Melayu.
 Bahkan terdapat beberapa kumpulan silat yang masih aktif pada masa ini belum

18 JUL 1985

tentu tarafnya sebagai kumpulan seni silat Melayu kalau dikaji.
 Ini adalah kerana ada di antara kumpulan-kumpulan itu yang hanya mempunyai seni, tetapi tidak mempunyai silat.
 Ada pula yang hanya mempunyai silat, tetapi tidak mempunyai seni.
 Yang lebih mendukacitakan lagi ada yang tidak mempunyai seni, tidak mempunyai silat, bahkan tidak mempunyai nilai kemelayuannya.

Ciri-ciri ini jarang dise-